

Headline	31 program		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	324,097
Page No	L-20	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norfaisal Jahuri	AdValue	RM 9,124
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,372



# 31 program

KAYM tawar pengajian terkini bagi penuhi keperluan pasaran

**Norfaisal Jahuri**

SETIAP pelajar mengimpikan kecemerlangan dalam bidang akademik seterusnya mempunyai kerjaya terbaik, namun aspek utama merancang masa depan yang cerah turut bergantung kepada pemilihan tepat institusi bagi melanjutkan pengajian.

Bagi mereka yang masih mencari peluang terbaik dalam usaha merancang mengubah kehidupannya, Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM) di Bukit Sebukor, Melaka iaitu institut pengajian tinggi swasta (IPTS) milik kerajaan negeri Melaka menawarkan pelbagai program pengajian terkini peringkat sijil, diploma dan ijazah termasuk kursus profesional yang berkualiti.

Ketua Pegawai Eksekutif KAYM, Datuk Saroni Judi berkata, pihaknya sentiasa menawarkan program terkini supaya ia setanding dan berkualiti di peringkat antarabangsa bagi memenuhi keperluan pasaran kerjaya masa kini

serta kepakaran dalam pelbagai bidang.

Penganugerahan sijil MS ISO 9001:2008 dan akreditasi dari 'Accreditation Service for International College' (ASIC), United Kingdom satu pengiktirafan dan perakuan terhadap mutu dan kualiti pendidikan di KAYM.

Katanya, lebih 31 program termasuk program kendalian KAYM sendiri ditawarkan menerusi Sekolah Teknologi Media dan Seni (SMART), Sekolah Teknologi Maklumat (SIT), Sekolah Teknologi Perindustrian (STP), Sekolah Pengurusan Perniagaan (SPP) dan terkini Sekolah Pendidikan serta Sekolah Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti.

"Kami turut menawarkan program kerjasama bersama Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Pengurusan dan Teknologi (UMTECH).

Selain akademik, KAYM juga menawarkan program sijil kemahiran seperti Pelukis Pelan, Juruteknik Elektrik dan Mekanik

Kenderaan Motor.

"Semua bidang pengajian yang ditawarkan di KAYM mendapat pengiktirafan Kementerian Pengajian

Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta turut mendapat pengiktirafan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai Institusi Berstatus MSC, sesuai bagi kursus teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan Multimedia Kreatif.

"Pengalaman 15 tahun dalam industri pendidikan tinggi membolehkan KAYM melahirkan generasi cemerlang akademik serta tenaga kerja mahir membolehkan graduan kolej ini mudah memohon kerja dengan sebarang sektor, termasuk agensi kerajaan," katanya.

Saroni berkata, program yang ditawarkan memberi tumpuan bidang yang memenuhi kehendak pasaran masa kini. Sebagai contoh 95 peratus graduan Animasi mempunyai kerjaya di syarikat animasi ternama.

